

Kegiatan beli, simpan, seludup minyak subsidi dibongkar

Mohd. Hafiz Abd. Mutalib
28 Ogos 2019 2:55 PM



PADANG BESAR 28 Ogos - Beli petrol beberapa kali sehari, dikumpul di dua buah stor di sini dan kemudian diseludup ke negara jiran.

Itu taktik dilakukan satu sindiket di sini, yang mengumpul kira-kira 1,000 liter petrol sehari sekali gus berjaya meraih keuntungan berlipat kali ganda memandangkan harga bahan api di negara ini lebih murah berbanding Thailand.

Selain itu, mereka juga menjual kepada orang Thailand yang datang membeli bahan api itu di stor terbabit.

Sindiket berkenaan yang didalangi oleh tiga orang wanita itu dipercayai berulang-alik sebanyak 12 kali sehari bagi membeli bahan api itu di empat buah stesen minyak berhampiran pintu sempadan di sini.

Bagaimanapun, taktik tersebut terbongkar selepas dua buah stor berasingan yang menyimpan petrol dan diesel di Kampung Melayu, Padang Besar di sini diserbu sepasukan pegawai dan anggota Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) negeri, kira-kira 6.30 pagi ini.

Kedua-dua buah stor yang baru beroperasi kira-kira sebulan itu hanya terletak dua kilometer dari pintu sempadan di sini.

Hasil soal siasat, salah seorang suspek mengaku bergilir-gilir dengan rakannya bagi membeli petrol menggunakan kenderaan yang telah diubah suai bagi mengelak dikesan.

Difahamkan, sindiket berkenaan mengambil untung sebanyak 50 sen bagi setiap liter bahan api.

Ketua Pegawai Penguat Kuasa KPDNHEP negeri, Mohamad Amir Abdullah berkata, dalam serbuan tersebut, pihaknya telah merampas sebanyak 3,985 liter petrol dan 90 liter diesel yang disimpan di stor berkenaan.

Katanya, sebelum itu, sindiket tersebut terlebih dahulu mengagih-agihkan petrol kepada pembeli ketika pintu sempadan dibuka pagi ini.

"Kita menahan suspek wanita berusia 30 hingga 50 tahun termasuk seorang warga Thailand.

Nilai keseluruhan rampasan bahan api termasuk empat buah kereta dianggarkan bernilai RM73,371.

"Dalam kes ini kita akan meneruskan juga siasatan ke atas stesen minyak yang terlibat dan akan memanggil mereka untuk memberi keterangan.

"Harga petrol yang mahal di negara jiran, telah mendorong rakyat tempatan melakukan kegiatan penyeludupan bagi mengaut keuntungan," katanya.

Tambah beliau, kes disiasat mengikut Peraturan Kawalan Bekalan 1974 dan Seksyen 21 Akta Kawalan Bekalan 1961.- UTUSAN ONLINE

